

## E-MEL PEMBACA

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: [bhforum@bh.com.my](mailto:bhforum@bh.com.my)

## → INTERAKTIF

[FOTO HIASAN]

# Penganjuran sukan berprestij mampu jana ekonomi negara



Sukan SEA KL2017 mampu menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara melalui perbelanjaan pelancong asing.

## Fakta nombor

## RM19 BILION

defisit imbalan perdagangan perkhidmatan pada 2016

Justeru, penganjuran sukan antarabangsa bukan sahaja dilihat berpotensi mengurangkan defisit imbalan perdagangan perkhidmatan, malah memberi impak kepada ekonomi setempat melalui perbelanjaan pelancong asing.

Kajian di negara lain jelas mendapati penganjuran sukan mega antarabangsa seperti Olimpik, Piala Dunia FIFA dan perlumbaan Formula Satu (F1) memberi impak yang signifikan kepada negara penganjur.

### Suntik ekonomi penganjur

Kepentingan sukan mega antarabangsa kepada ekonomi mendorong kebanyakan negara seperti United Kingdom, Jerman dan Jepun menyusun Akaun Satelit Sukan.

Malaysia kerap kali menganjur sukan mega antarabangsa seperti Le Tour de Langkawi, Piala Monsun dan MotoGP. Sejauh manakah penganjuran sukan antarabangsa ini menyumbang kepada KDNK dan penciptaan peluang pekerjaan kepada rakyat.

Jawapan kepada persoalan ini memerlukan kepada kajian yang spesifik dan keperluan kepada penyusunan Akaun Satelit Sukan.

Untuk rekod, buat masa ini Malaysia hanya menyusun Akaun Satelit Pelancongan dan Akaun Satelit Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

Penyusunan Akaun Satelit Sukan penting bagi memantau perkembangan industri sukan dan bagi merangka strategi untuk memaksimumkan impak ke atas

ekonomi keseluruhannya.

Tambahan pula, pelancongan sukan berkait rapat dengan segmen pelancongan budaya dan kesihatan.

Demam Sukan SEA Ke-29 semakin terasa kerana Malaysia adalah penganjur. Kajian impak sukan SEA Ke-29 ke atas ekonomi Malaysia sedang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES).

Diharap dapatan kajian ini dapat mendorong kepada usaha penyediaan Akaun Satelit Sukan di Malaysia.

**Dr Mohd Yusof Saari,**  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan,  
Universiti Putra Malaysia

Dalam keadaan pasaran ekonomi dunia yang tidak menentu, sektor pelancongan dilihat masih bertahan menjadi salah satu penggerak kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Sebagai sebuah negara bersaiz kecil, segmen pelancongan antarabangsa adalah lebih penting berbanding dengan pelancongan domestik.

Aliran perbelanjaan pelancong antarabangsa merupakan eksport perkhidmatan di dalam pengiraan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Perangkaan menunjukkan defisit imbalan perdagangan perkhidmatan semakin melebar, meningkat daripada RM11 bilion pada 2014 kepada RM19 bilion pada 2016.